

# 167 penyewa BB Plaza mahu PM campur tangan

**P**UTRAJAYA: Penyewa kompleks beli-belah Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) milik UDA Holdings Bhd (UDA) menghantar memorandum memohon Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak campur tangan dalam isu rancangan merobohkan plaza berkenaan.

Dalam memorandum itu, penyewa berkenaan mahu kerajaan meminta UDA menghentikan rancangan merobohkan plaza itu untuk tujuan pembinaan stesen MY Rapid Transit (MRT) oleh MRT Corporation di kawasan itu.

Pengerusi Persatuan Penyewa Bukit Bintang Plaza, Hassan Saad, berkata penyewa di bangunan itu kecewa dengan keputusan UDA untuk merobohkan kawasan berkenaan kerana kawasan itu sudah menjadi tempat mereka mencari 'makan' sejak 30 tahun lalu.

"Kami tidak menolak pembangunan dan pembinaan stesen MRT kerana ia memberi banyak faedah kepada rakyat dan negara, tetapi kami harap pembinaannya dikaji semula serta dibina di tempat lain, bukan di BB Plaza.

"Kami harap nasib kami dibela dan rancangan untuk merobohkan plaza berkenaan dipertimbangkan semula kerana tiada ja-

minan masa depan perniagaan kami akan terus cerah jika ia dirobohkan dan besar kemungkinan punca pendapatan kami akan terjejas," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Hassan berkata, setiap bulan, plaza itu dikunjungi kira-kira satu juta pengunjung, sekali gus menyumbang pendapatan kepada mereka.

"Pendapatan kami bergantung kepada perniagaan di plaza itu, jika ia dirobohkan, pendapatan kami serta pekerja akan terjejas teruk," katanya.

Terdahulu, lima wakil Persatuan Penyewa Bukit Bintang Plaza termasuk Presiden Pertubuhan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS), Mohd Ridzuan Abdullah mewakili 167 penyewa BB Plaza menyerahkan memorandum kepada Pegawai Khas Perdana Menteri, Datuk Paduka Ghazali Ibrahim, di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Sementara itu, Mohd Ridzuan berkata, cadangan merobohkan plaza patut dikaji semula kerana ia adalah punca pendapatan 167 penyewa di situ.

"Pendapatan mereka akan terjejas, sekali gus menutup 'periuk nasi' mereka," katanya.